

Pembelajaran Koperatif dalam Pengajaran Karangan Bahasa Melayu Menengah Atas

Rozita Radhiah Said*, Latifah Mohd Shariff & Fadzilah Abd Rahman

Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400, UPM, Serdang, Selangor

ABSTRAK

Kajian kuantitatif deskriptif pembelajaran koperatif dalam pengajaran karangan Bahasa Melayu (BM) Tingkatan Empat dijalankan antara objektif utamanya adalah untuk mengenal pasti kekerapan, cara melaksana dan sikap guru Bahasa Melayu terhadap pelaksanaannya di dalam bilik darjah. 40 orang guru BM dalam daerah Jempol, Negeri Sembilan dipilih sebagai responden kajian. Data kajian diperoleh menggunakan borang soal-selidik 48 item sebagai instrumen. Data dianalisis untuk mendapatkan min, sisihan piawai, dan peratusan bagi setiap item soalan. Dapatkan menunjukkan lima kaedah koperatif tertinggi yang menjadi pilihan guru BM ialah kaedah Round Robin Brainstorming yang mencatatkan ($\text{min}=3.78, \text{SP}=.920$). Dikuti dengan kaedah Team Present To Other Team ($\text{min}=3.68, \text{SP}=1.34$). Kaedah Think Pair Square dan kaedah Think Pair Share turut berada dalam kategori min tertinggi ($\text{min}=3.63, \text{SP}=.925$) dan kaedah Round Table ($\text{Min}=3.55, \text{SP}=.846$). Manakala Item 1 "saya memilih struktur yang bersesuaian dengan tajuk karangan" memperoleh skor paling tinggi ($\text{min}=4.48, \text{SP}=.640$) untuk menerangkan cara pelaksanaannya di dalam bilik darjah. Dapatkan kajian juga menunjukkan pelaksanaan aktiviti pembelajaran koperatif dalam pengajaran karangan masih tertumpu pada beberapa aktiviti konvensional dan kebanyaknya aktiviti baharu agak kurang dilaksanakan oleh guru. Walau bagaimanapun sikap guru dalam melaksanakan pembelajaran koperatif berada pada tahap positif. Justeru, kajian ini diharap dapat membantu semua guru bahasa Melayu sekolah menengah dan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha memantapkan elemen pembelajaran koperatif yang merupakan salah satu pendekatan dalam pembelajaran abad 21.

Kata Kunci: Pelaksanaan, pembelajaran koperatif, pengajaran karangan, Bahasa Melayu

ABSTRACT

Descriptive quantitative study of cooperative learning in teaching essay Bahasa Melayu (BM) Form Four runs between the main objective was to identify the frequency, how to implement and attitude towards the implementation of Malay Language teachers in the classroom. 40 teachers in the district BM Jempol, chosen as the respondents of the study. Data was collected using questionnaires of 48 items as instrument. The data were analyzed for mean, standard deviation, and the percentage of questions for each item. The findings showed the highest five cooperative method of choice for BM teacher Round Robin Brainstorming is a method which recorded ($\text{mean} = 3.78, \text{SD} = .920$). Followed by the Team Present To Other Team ($\text{mean} = 3.68, \text{SD} = 1.34$). Method Think Pair Square and methods Think Pair Share is also in the category of the highest mean ($\text{mean} = 3.63, \text{SD} = .925$) and the Round Table ($\text{Mean} = 3.55, \text{SD} = .846$). While Item 1 "I chose the structure corresponding to the title essay," obtained the highest score ($\text{mean} = 4.48, \text{SD} = .640$) to explain how it is implemented in the classroom. The results also showed the implementation of cooperative learning activities in the teaching of writing has focused on a number of conventional activities and most of the new activities rather than implemented by the teacher. However the attitude of teachers in the implementation of cooperative learning is at a positive level. Thus, this study hopes to help all teachers Malay secondary schools and the Ministry of Education in an effort to strengthen the element of cooperative learning is one instructional approach in the 21st century.

Keywords: Implementation, cooperative learning, teaching writing, Malay Language

LATAR BELAKANG KAJIAN

Pembelajaran koperatif berasaskan teori Vygotsky iaitu pelopor teori konstruktivisme. Prinsip yang cuba ditekankan ialah murid belajar melalui interaksi sosial dalam pembelajaran kelompok. Pembelajaran kelompok

* Corresponding author: radhiahrozita@upm.edu.my
eISSN: 2462-2079 © Universiti Putra Malaysia Press

dapat membantu percambahan idea dan meningkatkan pemikiran murid dalam kelompok belajar yang ditentukan oleh guru. Pada peringkat awal kemunculannya, pembelajaran koperatif menimbulkan kerisauan dalam kalangan ibu bapa yang khawatir akan kehadiran murid cerdas dan murid yang lemah dalam kumpulan yang sama. Namun, Salvin (1999) menegaskan bahawa pembelajaran koperatif merupakan satu proses pembelajaran yang akan memberikan faedah kepada murid yang lemah apabila berlakunya perkongsian idea dan setiap murid diberikan tanggungjawab dalam memahami sesuatu topik atau subtopik. Melalui pembelajaran koperatif, pengukuhan struktur linguistik perlu ditekankan terlebih dahulu supaya murid mudah menterjemah pemikiran mereka dalam bentuk penulisan. Hal ini diakui oleh Abdul Aziz Abdul Talib (2000) yang menyatakan bahawa kemahiran menulis penting sebagai perakam bahasa yang melibatkan empat aspek iaitu fikiran, pengetahuan, teknik dan gaya. Kenyataan ini selari dengan kehendak sukan pelajaran Bahasa Melayu iaitu antara lain objektif pengajaran penulisan karangan adalah bertujuan untuk menyampaikan buah fikiran, idea, fakta pandangan, ulasan dan pengalaman murid terhadap persekitarannya dalam bentuk tulisan.

Permasalahan Kajian

Menulis bukanlah terletak kepada bakat atau kebolehan semata-mata. Malah kemahiran menulis boleh diasah, diajar, dilatih dan dibentuk berdasarkan kemahiran, minat, bakat dan kecenderungan latihan dan pembelajaran yang diberikan. Namun, kelemahan dalam penulisan karangan sering dikatakan menjadi antara punca murid gagal mencapai keputusan yang baik dalam peringkat Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) mahupun peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Analisis keputusan dalam Jadual 1 menunjukkan prestasi pencapaian Bahasa Melayu murid di SMK Serting Hilir Kompleks iaitu salah sebuah sekolah yang terletak di daerah Jempol, Negeri Sembilan dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia sejak tiga tahun kebelakangan ini.

JADUAL 1:

Prestasi Pencapaian Bahasa Melayu Sijil Pelajaran Malaysia 2015 SMK Serting Hilir Kompleks

TAHUN	A+	A	A-	B+	B	C+	C	D	E	GP
2015	0	1	6	12	17	20	19	18	24	5.84
2014	3	10	13	12	10	25	10	27	15	5.10
2013	2	13	24	26	16	19	12	24	14	4.81

Sumber: PPDJJ (2016)

Penurunan bilangan A dalam mata pelajaran Bahasa Melayu bukan sahaja menjadi masalah sekolah berkenaan tetapi penurunan pencapaian bahasa Melayu turut menghambat sekolah-sekolah daerah Jempol seperti data dalam JADUAL 2.

JADUAL 2:

Pencapaian Bahasa Melayu Sijil Pelajaran Malaysia Daerah Jempol dan Jelebu dari tahun 2013-2015.

TAHUN	A+	A	A-	B+	B	C+	C	D	E	GP
2015	19	176	272	319	290	267	242	333	228	4.97
2014	56	325	301	324	306	253	183	293	197	4.53
2013	99	353	379	383	366	275	232	298	236	4.46

Sumber: PPDJJ (2016)

Menurut Laporan Post Mortem Prestasi SPM Bahasa Melayu PPDJJ 2015, kelemahan murid dalam penulisan karangan lebih ketara dalam peperiksaan. Kesalahan yang ketara dalam kalangan murid ialah murid tidak mempunyai perancangan isi sebelum menulis karangan. Akibatnya, isi karangan calon tidak tersusun dan tidak

matang bersesuaian dengan kehendak soalan. Laporan tersebut juga menyatakan bahawa calon lemah dalam mengupas atau mengembang isi menyebabkan karangan menjadi pendek iaitu kurang daripada 350 patah kata. Mutu jawapan murid dalam skrip jawapan Kertas Bahasa Melayu 1/ 2014 ini selaras dengan pandangan Som Hj Nor (2010), Zamri Mohamad (2012), Sharifah Nor (2012), Rozita Radhiah Said serta Abdul Rasid Jamian (2012), iaitu fikiran yang sempit dan kurang matang menyebabkan para murid tidak dapat melihat sesuatu yang lebih luas. Mereka tidak dapat memberi pertimbangan yang wajar, mencari makna yang tersirat, meneroka bukti-bukti yang nyata, meninjau pandangan orang lain, memilih alternatif. Akibatnya murid terlepas pandang untuk membuat keputusan dan pendapat yang bernalas.

Objektif Umum

Kajian ini adalah untuk meninjau pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam pengajaran karangan bahasa Melayu Tingkatan 4.

Objektif Khusus

1. Mengenal pasti kekerapan pelaksanaan jenis pembelajaran koperatif dalam pengajaran karangan Bahasa Melayu Tingkatan 4.
2. Mengenal pasti cara pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam pengajaran karangan Bahasa Melayu Tingkatan 4.
3. Mengenal pasti sikap guru bahasa Melayu terhadap pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam pengajaran karangan Bahasa Melayu Tingkatan 4.

Kepentingan Kajian

Melalui penyelidikan ini, adalah diharapkan agar pihak sekolah dalam daerah Jempol serta sekolah-sekolah yang menghadapi situasi yang sama dapat mengambil manfaat dengan cara meningkatkan pengimplementasian pembelajaran koperatif dalam kalangan guru Bahasa Melayu terutamanya dalam pengajaran penulisan karangan. Hal ini kerana pembelajaran koperatif merupakan salah satu elemen yang ditekankan dalam pembelajaran pada abad 21. Pelbagai kursus juga patut diadakan pada peringkat negeri dan daerah agar guru-guru dapat melaksanakan elemen pembelajaran koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah dengan ilmu secara yakin dan tekal.

Batasan

Kajian ini hanya berfokus kepada pelaksanaan pengajaran karangan melalui 13 aktiviti pembelajaran koperatif seperti yang dicadangkan dalam buku panduan pembelajaran abad 21. Tinjauan pelaksanaan pembelajaran koperatif selaras dengan objektif pertama sukanan Bahasa Melayu iaitu murid melibatkan diri dalam interaksi sosial melalui perbualan, perbincangan, dan penulisan untuk menjalin serta mengeratkan hubungan (Sukanan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM, 1989). Pengajaran karangan hanya melibatkan jenis tidak berformat. Kajian ini melibatkan 40 orang guru Bahasa Melayu tingkatan 4 daripada 14 buah sekolah dalam Daerah Jempol. Manakala murid tingkatan 4 yang diajar oleh guru dalam kajian ini melibatkan dua aliran iaitu aliran sains dan aliran kemanusian yang berumur 16 tahun serta tinggal di kawasan Felda.

KAJIAN LITERATUR

Model Pembelajaran abad 21 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM, 2015) menyatakan bahawa pembelajaran koperatif merupakan proses pembelajaran berteraskan pasukan dan setiap murid bertanggungjawab terhadap pencapaian diri dan kumpulan mereka. Ini bermakna pergantungan positif setiap ahli kumpulan akan menentukan kejayaan kumpulan manakala campur tangan guru sangat minimum. Ahmad Zaini Yaakob (2014) dan Mohaimin Tabrani (2013) menyatakan, pembelajaran koperatif merupakan proses murid diberi kepercayaan sepenuhnya mengendalikan rakan sekumpulan dalam usaha mengembangkan potensi murid tersebut dalam sesebuah pengajaran dan pembelajaran. Pendekatan ini dilaksanakan dalam bilik darjah secara dinamik dengan mengerakkan pasukan kecil murid yang akan berinteraksi dan bergantungan antara satu sama lain untuk menghadapi pelajaran mereka. Tanggungjawab ini membangkitkan perasaan positif dalam menghargai pandangan dan hasil kerja pelajar yang berlainan kecerdasan dalam usaha mewujudkan sebuah pembelajaran yang aktif.

Menurut Yusfaiza Yusoff (2012) dan Salha Mohamed Hussain. (2014), koperatif ialah satu bentuk sistem pengajaran yang sistematik yang terdiri daripada pelbagai tahap IQ yang berlainan. Pelajar sentiasa bergantung antara satu sama lain dan guru-guru yang terlibat perlu memiliki kemahiran untuk mengendalikannya. Tuntasnya, dapatlah dirumuskan bahawa perkembangan kecerdasan intelektual (IQ), sosial dan afektif (EQ)

merupakan teras bagi pembelajaran koperatif melalui amalan interaksi kumpulan yang berkesan. Pembelajaran koperatif menyediakan gelanggang untuk murid mengalami dan membina idea secara sendiri melalui pengalaman yang dilalui. Selain kemahiran berinteraksi, hormat-menghormati dan berkomunikasi secara positif dapat dijelmakan menerusi pengendalian pembelajaran koperatif. Bagi Khadijah Ahmad (2005) dan Masitah Zainuddin (2005) yang mengkaji tentang keberkesanannya pembelajaran koperatif dalam menulis karangan BM terhadap respondan masing-masing mendapat terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian murid dalam menulis karangan sebelum dan selepas dirawat dengan kaedah pembelajaran koperatif. Hasil hubungan interaksi sesama ahli kumpulan atau rakan sebaya telah berjaya meningkatkan pengetahuan kebolehan murid dalam menulis isi karangan. Malah dapatkan kajian kuasi eksperimental tentang keberkesanannya teknik pembelajaran koperatif dalam penulisan karangan BM pelajar tingkatan dua juga mendapat bahawa pembelajaran koperatif berjaya meningkatkan penulisan dalam karangan setelah sesi rawatan dijalankan. Murid didapati bekerjasama, tolong-menolong dan bertindak sebagai satu pasukan yang mantap tanpa mengira perbezaan yang wujud sesama mereka. Pembelajaran koperatif juga boleh membina kemahiran menulis yang berkualiti tinggi di samping mengatasi masalah kesantunan mengembang, menghurai, menjana supaya lebih mantap dan bernes.

METODOLOGI

Reka Bentuk

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan deskriptif. Statistik deskriptif yang terdiri daripada maklumat berkaitan min, sisihan piawai, dan peratus digunakan oleh penyelidik agar data yang diperoleh dapat memperjelas dan menjawab objektif kajian (Mohd Majid Konting, 2005). Seramai 40 daripada 44 orang guru Bahasa Melayu sekolah menengah daerah Jempol terlibat sebagai respondan. Jumlah ini berdasarkan rekod yang diperoleh daripada Pejabat Daerah Jempol seperti berikut.

JADUAL 3:

Bilangan Populasi Guru Bahasa Melayu Daerah Jempol

Bil	Nama Sekolah	Guru Tingkatan 4
1	SMK Serting Hilir Kompleks	3
2	SMK Bandar Baru Serting	4
3	SMK Seri Jempol	3
4	SMK Lui Barat	4
5	SMK Bahau 2	2
6	SMK Bahau	3
7	SMK Dato Mansor	4
8	SMK Pasoh 2	2
9	SMK Che Wen	3
10	SMK Palong 2	3
11	SMK Palong 7	3
12	SMK Seri Pepatih	3
13	SMK Alam Raja	3
14	SMK Batu Kikir	4
Jumlah		44

Sumber : PPDJJ (2016)

Instrumen dan Kandungan Soal Selidik

Pengkaji menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian dan diedarkan kepada responden untuk dijawab seperti JADUAL 4 yang berikut.

JADUAL 4:

Kandungan Soal Selidik

Bahagian	Butiran	Sumber Rujukan
Bahagian A	Jantina, umur, pengalaman mengajar Bahasa Melayu di sekolah menengah, dan bidang pengkhususan/opsyen.	Demografi respondan
Bahagian B	Mengandungi soalan-soalan tentang kekerapan pelaksanaan jenis-jenis pembelajaran koperatif dalam pengajaran	Model Pembelajaran Abad Ke-21 (KPM 2015)

	karangan	
Bahagian C	Mengandungi soalan-soalan tentang cara pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam pengajaran karangan tingkatan 4	Model Johnson & Johnson (1994) Model Kagan (1998)
Bahagian D	Mengandungi soalan-soalan tentang sikap guru dalam melaksanakan pembelajaran koperatif dalam pengajaran karangan tingkatan 4.	Soal selidik Kajian Aplikasi KBAT Guru bahasa Melayu (Tunku AidaYuhanna 2016)

Kajian rintis telah dijalankan dan JADUAL 5 menunjukkan analisis indeks kebolehpercayaan nilai Alpha Cronbach bagi keseluruhan item instrumen kajian.

JADUAL 5:
Indeks Kebolehpercayaan Alpha Cronbach Kajian Rintis

Pemboleh ubah	Jumlah Item	Alpha Cronbach
Jenis Pembelajaran Koperatif	13	0.928
Cara Pelaksanaan	15	0.810
Sikap guru	20	0.940

JADUAL 5 menunjukkan analisis indeks nilai Alpha Cronbach keseluruhan item mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Bagi pembolehubah jenis-jenis pembelajaran koperatif analisis indeks Alpha Cronbach ialah pada aras 0.928. Manakala pemboleh ubah cara-cara pelaksanaan menunjukkan 0.810 dan sikap guru pula menunjukkan pada aras 0.940. Menurut Mohd Majid Konting (2005), semakin nilai alpha kepada angka 1, maka semakin tinggi nilai kebolehpercayaan item yang dibina. Nilai alpha yang kurang daripada 0.6 dianggap lemah.

Analisis Data

Statistik yang digunakan untuk menganalisis data deskriptif ialah frekuensi, peratusan, min, dan sisihan piawaian. Instrumen yang digunakan adalah soal selidik yang menggunakan skala likert 5 mata.

JADUAL 6:
Analisis Statistik yang digunakan dalam Kajian

Soalan kajian	Analisis statistik
Apakah jenis pembelajaran koperatif yang dijalankan oleh guru bahasa Melayu dalam pengajaran karangan tingkatan 4?	Statistik Deskriptif (Peratus, Min,Sisihan Piawaian)
Mengenal pasti cara pelaksanaan pembelajaran koperatif oleh guru bahasa Melayu dalam pengajaran karangan tingkatan 4?	Statistik Deskriptif (Peratus, Min,Sisihan Piawaian)
Bagaimanakah sikap guru bahasa Melayu terhadap pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam pengajaran karangan tingkatan 4?	Statistik Deskriptif (Peratus, Min,Sisihan Piawaian)

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini akan meninjau kekerapan pelaksanaan 13 aktiviti pembelajaran koperatif dalam pengajaran karangan tingkatan 4 dalam kalangan guru bahasa Melayu Daerah Jempol. Petunjuk bagi tahap kekerapan pelaksanaan pembelajaran koperatif adalah berdasarkan Jadual 7.

JADUAL 7:

Interpretasi Skor Min bagi Tahap Kekerapan Pelaksanaan Pembelajaran Koperatif

Skor Min	Interpretasi tahap
1.0 hingga 2.50	Rendah
2.51 hingga 3.50	Sederhana
3.51 hingga 5.00	Tinggi

Dapatkan pada JADUAL 8 di bawah menunjukkan terdapat lima item mencatatkan skor min tertinggi iaitu diadului dengan kaedah *Round Robin Brainstorming* (min= 3.78,SP=0.920). Dikuti dengan kaedah *Team Present To Other Team* yang mencatatkan (min=3.68, SP=1.34). Kaedah *Think Pair Square* dan kaedah *Think Pair Share* (min=3.63,SP=0.925). Turut berada dalam kategori min tertinggi iaitu dan kaedah *Round Table* (min=3.55,SP=0.846). Manakala lima kaedah berada pada skor min sederhana ialah kaedah *Group Investigation* (min=2.53,SP=1.03), seterusnya kaedah *Jigsaw* (min=2.98,SP=1.00), kaedah *Team Accelerated Instruction* mencatatkan (min=3.05,SP=1.13), kaedah *Three Minute Review* memperoleh (min=3.43,SP=1.25) dan kaedah kaedah *Pair Check* (min=2.95,SP=1.15). Terdapat tiga kaedah yang mencatatkan skor min paling rendah iaitu kaedah *Write Around* (min=2.08,SP=1.04), dikuti kaedah *Three Stray One Stay* (min=2.18,sp=0.908) dan kaedah *Three Step Interview* (min=2.08,sp=0.907). Data ini membuktikan respondan tidak kerap menggunakan kaedah ini dalam pengajaran karangan.

JADUAL 8:

Taburan Peratus, Min dan Sisihan Piawaian bagi Kekerapan Pelaksanaan Pembelajaran Koperatif dalam Pengajaran Karangan

BIL	Item	Kekerapan Pelaksanaan					Min	SP
		Tidak Pernah	Jarang	Kadang - kadang	Kerap	Sangat Kerap		
1	Menggunakan kaedah <i>jigsaw</i> (<i>cantuman</i>)	10.0	20.0	32.5	37.5	0.00	2.98	1.00
2	Menggunakan kaedah <i>Three Minute Review</i> (<i>imbasan 3 minit</i>)	10.0	12.5	25.0	30.0	22.5	3.43	1.25
3	Menggunakan kaedah <i>Round Table</i> (<i>Meja bulat</i>)	0.00	12.5	30.0	47.5	10.0	3.55	0.846
4	Menggunakan kaedah <i>Group Investigation</i> (<i>Penyiasatan berkelompok</i>)	22.5	20.0	40.0	17.5	0.00	2.53	1.03
5	Menggunakan kaedah <i>Think Pair Share</i> (<i>Fikir berpasangan-berkongsi</i>)	0.00	12.5	22.5	55.0	10.0	3.63	0.838
6	Menggunakan kaedah <i>Think Pair Square</i> (<i>Fikir –berpasangan kumpulan</i>)	0.00	20.0	7.5	62.5	10.0	3.63	0.925
7	Menggunakan kaedah <i>Pair Check</i> (<i>semakan berpasangan</i>)	10.0	20.0	52.5	0.00	17.5	2.95	1.15
8	Menggunakan kaedah <i>Write Around</i> (<i>Menulis berkelompok</i>)	40.0	22.5	27.5	10.0	0.00	2.08	1.04
9	Menggunakan kaedah <i>Team Present to Other Team</i> (<i>Kumpulan bentang pada kumpulan lain</i>)	10.0	10.0	20.0	22.5	37.5	3.68	1.34
10	Menggunakan kaedah <i>Three Stray one stay</i> (<i>Tiga sesat satu tinggal</i>)	22.5	47.5	20.0	10.0	0.00	2.18	0.903
11	Menggunakan kaedah <i>Round Robin Brainstorming</i> (<i>Putaran giliran</i>)	7.5	0.00	10.0	72.5	10.0	3.78	0.920
12	Menggunakan kaedah <i>Three Step Interview</i> (<i>Tiga Langkah Temuduga</i>)	35.0	32.5	22.5	10.0	0.00	2.08	0.977
13	Menggunakan kaedah <i>Team Accelerated Instruction</i> (<i>TAI</i>) (<i>Bantuan Individual</i>)	10.0	20.0	35.0	25.0	10.0	3.05	1.13

Cara Pelaksanaan Pembelajaran Koperatif dalam Pengajaran Karangan Bahasa Melayu

JADUAL 9

Taburan Peratus, Min dan Sisihan Piawaian bagi Cara Pelaksanaan Pembelajaran Koperatif dalam Pengajaran Karangan Tingkatan 4

BIL	Item	Skala likert					Min	SP
		Amat tidak setuju	Tidak setuju	Kurang setuju	Setuju	Amat setuju		
1	Saya memilih struktur yang bersesuaian dengan tajuk karangan	0.00	0.00	7.5	37.5	55.0	4.48	0.640
2	Saya menentukan kriteria membentuk pasukan pelajar	0.00	0.00	27.5	65.0	7.5	3.80	0.564
3	Saya menyediakan bahan sama ada kad arahan, kertas sebak dan sebagainya.	0.00	0.00	20.0	57.5	22.5	4.03	0.660
4	Saya merancang penggunaan optimum masa dan ruang.	0.00	0.00	0.00	75.0	25.0	4.25	0.439
5	Saya akan menjelaskan kehendak soalan karangan terlebih dahulu	0.00	0.00	0.00	37.5	62.5	3.63	0.490
6	Saya akan memberi maklumat asas untuk membantu para pelajar (bahan bercetak).	0.00	0.00	0.00	60.0	40.0	4.40	0.496
7	Saya akan menentukan terlebih dahulu pengendalian penilaian bahan perbincangan	0.00	0.00	7.5	67.5	25.0	4.18	0.549
8	Saya akan memastikan penglibatan sama rata pelajar semasa aktiviti dijalankan.	0.00	0.00	0.00	62.5	37.5	4.38	0.490
9	Saya akan cuba mewujudkan semangat pasukan atau pergantungan dalam kumpulan	0.00	0.00	0.00	62.5	37.5	4.38	0.490
10	Saya menekankan kemahiran komunikasi secara positif dalam kumpulan	0.00	0.00	0.00	60.0	40.0	4.40	0.496
11	Saya menggalakkan perkongsian maklumat sama ada antara ahli kumpulan atau antara pasukan lain	0.00	0.00	0.00	57.5	42.5	4.43	0.501
12	Saya akan bertindak sebagai fasilitator sepanjang aktiviti dijalankan	0.00	0.00	0.00	75.0	25.0	4.25	0.439
13	Saya akan memberi ganjaran kepada pasukan yang menonjol.	0.00	0.00	20.0	50.0	30.0	4.10	0.709
14	Saya akan menekankan elemen kemahiran aras tinggi dalam menilai hasil kerja pasukan	0.00	0.00	0.00	7.5	92.5	3.93	0.267

15	Saya akan cuba meningkatkan motivasi pelajar sepanjang aktiviti dijalankan	0.00	0.00	0.00	60.0	40.0	4.40	0.496
----	--	------	------	------	------	------	------	-------

Berdasarkan 15 item yang diukur dalam bahagian C, keseluruhan item mencatatkan skor min pada tahap tinggi iaitu 3.51-5.00. Item 1 “saya memilih struktur yang bersesuaian dengan tajuk karangan” menperoleh skor paling tinggi iaitu ($\text{min}=4.48, \text{SP}=.640$). Kemudian dikuti dua item yang lain iaitu item 6 “saya akan memberi maklumat asas untuk membantu para pelajar (bahan bercetak)” dan item 10 “saya menekankan kemahiran komunikasi secara positif dalam kumpulan” mencatatkan ($\text{min}=4.40, \text{SP}=.496$). Berdasarkan analisis, tiada skor min tahap serdahana dan tahap rendah yang ditunjukkan. Cuma terdapat 3 item yang mencatatkan min yang agak rendah berbanding item-item yang lain iaitu item 2 “saya menentukan kriteria membentuk pasukan pelajar” ($\text{min}=3.80, \text{SP}=.564$), item 5 “saya akan menjelaskan kehendak soalan karangan terlebih dahulu” ($\text{min}=3.63, \text{SP}=.490$) dan item 14 “saya akan menekankan elemen kemahiran aras tinggi dalam menilai hasil kerja pasukan” ($\text{min}=3.93, \text{SP}=.267$)

Secara keseluruhannya, cara-cara pelaksanaan pembelajaran koperatif oleh guru bahasa Melayu dalam pengajaran karangan tingkatan 4 berada pada tahap skor min yang tinggi sekaligus menjadi petanda guru bahasa Melayu tingkatan 4 berjaya merancang dan melaksanakan satu pembelajaran koperatif yang berkesan.

Sikap Guru Bahasa Melayu Tingkatan 4 dalam Melaksanakan Pembelajaran Koperatif dalam Pengajaran Karangan

Bahagian ini mempunyai 20 item yang akan mengukur sikap guru. Petunjuk bagi sikap guru dalam melaksanakan pembelajaran koperatif dalam pengajaran karangan tingkatan 4 adalah seperti jadual di bawah:

JADUAL 10

Interpretasi Skor Min bagi Sikap Guru dalam Melaksanakan Pembelajaran Koperatif dalam Pengajaran Karangan

Skor Min	Interpretasi tahap
1.0 hingga 2.50	Negatif
2.51 hingga 3.50	Neutral
3.51 hingga 5.00	Positif

Sumber: Skala Sikap Guttman

JADUAL 11:

Taburan Peratus, Min dan Sisihan Piawaian akan Sikap Guru dalam Melaksanakan Pembelajaran Koperatif

BIL	Item	Skala likert					Min	SP
		Amat tidak setuju	Tidak setuju	Kurang setuju	setuju	Amat setuju		
1	Saya rajin menyediakan bahan untuk pembelajaran koperatif dalam karangan	0.00	0.00	17.5	52.5	30.0	4.13	0.686
2	Saya gemar mencuba pelbagai model pembelajaran koperatif dalam pengajaran karangan.	0.00	0.00	30.0	27.5	42.5	4.13	0.853
3	Saya gemar berkongsi cara pelaksanaan pembelajaran koperatif dengan rakan-rakan	0.00	0.00	30.0	52.5	17.5	3.88	0.686
4	Saya tidak mudah berputus asa membimbing murid supaya menggunakan pembelajaran koperatif dalam pengajaran karangan	0.00	0.00	12.5	65.0	22.5	4.10	0.591
5	Saya optimis bahawa murid saya dapat meningkatkan	0.00	0.00	0.00	87.5	12.5	4.13	0.335

	kemahiran menulis karangan melalui pembelajaran koperatif	0.00	0.00	0.00	55.0	45.0	4.45	0.504
6	Saya selalu memberi peluang kepada murid untuk memberikan pendapat mereka semasa sesi perbincangan di dalam bilik darjah.	0.00	0.00	0.00	35.0	65.0	4.65	0.483
7	Saya akan memberikan respon yang positif untuk murid lebih kreatif dalam memberikan jawapan semasa perbincangan di dalam bilik darjah	0.00	0.00	22.5	47.5	30.0	4.08	0.730
8	Saya berasa yakin untuk mengaplikasikan pembelajaran koperatif dalam pengajaran karangan.	0.00	0.00	10.0	60.0	30.0	4.20	0.608
9	Saya berasa seronok dalam mengaplikasikan pembelajaran koperatif dalam pengajaran karangan.	0.00	0.00	17.5	52.5	30.0	4.13	0.686
10	Saya lebih bermotivasi untuk mengajar karangan menggunakan pembelajaran koperatif.	0.00	0.00	10.0	60.0	30.0	4.20	0.608
11	Saya berasa selesa mengaplikasikan pembelajaran koperatif dalam pengajaran karangan.	0.00	0.00	20.0	45.0	22.5	3.28	0.933
12	Saya berasa was-was untuk mengaplikasikan pembelajaran koperatif dalam pengajaran karangan.	0.00	32.5	17.5	50.0	0.00	3.18	0.903
13	Saya kurang berkeyakinan dalam mengaplikasikan pembelajaran koperatif semasa proses PdP.	0.00	0.00	30.0	60.0	10.0	3.80	0.608
14	Saya percaya pembelajaran koperatif mampu meningkatkan pencapaian karangan murid.	0.00	0.00	0.00	57.5	42.5	4.43	0.501
15	Saya rajin membuat rujukan tentang elemen pembelajaran koperatif.	0.00	0.00	17.5	65.0	17.5	4.00	0.599
16	Saya bermotivasi jika dapat meningkatkan penguasaan murid terhadap pengajaran karangan.	0.00	0.00	0.00	77.5	22.5	4.23	0.423
17	Saya bersungguh-sungguh dalam membuat persediaan sebelum memulakan proses pengajaran karangan yang menggunakan pembelajaran koperatif.	0.00	0.00	17.5	40.0	42.5	4.25	0.742

19	Saya memperoleh kepuasan dalam mengajar karangan apabila mengaplikasikan pembelajaran koperatif.	0.00	0.00	10.0	47.5	42.5	4.33	0.656
20	Saya mendapat kepuasan apabila pelajar menguasai topik pembelajaran melalui pembelajaran koperatif.	0.00	0.00	10.0	47.5	42.5	4.33	0.656

Berdasarkan skor min bagi sikap guru bahasa Melayu dalam melaksanakan pembelajaran koperatif berada pada tahap yang positif. Item 7 "saya akan memberikan respon yang positif untuk murid lebih kreatif dalam memberikan jawapan semasa perbincangan di dalam bilik darjah" merupakan item yang mencatatkan skor min tertinggi iaitu ($\text{min}=4.65, \text{SP}=0.483$). Kemudian diikuti dengan item 6 "saya selalu memberi peluang kepada setiap ahli untuk memberikan pendapat mereka semasa sesi perbincangan di dalam bilik darjah" ($\text{min}=4.45, \text{SP}=0.504$). Jika diamati data, terdapat dua item negatif yang memperoleh skor min tahap neutral iaitu item 12 "saya berasa was-was untuk mengaplikasikan pembelajaran koperatif dalam pengajaran karangan" ($\text{min}=3.28, \text{SP}=0.933$) dan item 13 "saya kurang berkeyakinan dalam mengaplikasikan pembelajaran koperatif semasa proses PdP" mencatatkan ($\text{min}=3.18, \text{SP}=0.903$). Secara keseluruhannya, tiada skor min yang berada yang menunjukkan sikap guru berada pada tahap negatif dalam melaksanakan pembelajaran koperatif dalam pengajaran karangan tingkatan 4.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Kekerapan Pelaksanaan Pembelajaran Koperatif dalam Pengajaran Karangan

Analisis data menunjukkan jenis pembelajaran koperatif merupakan satu pembelajaran yang kerap dilaksanakan dalam pengajaran karangan bahasa Melayu. Terdapat 13 item pembelajaran koperatif yang menjadi ukuran kajian ini dalam meninjau kekerapan guru melaksanakan pembelajaran koperatif dalam pengajaran karangan. Rata-rata responden yang terdiri guru bahasa Melayu tingkatan 4 Daerah Jempol sangat kerap melaksanakan lima pembelajaran koperatif iaitu Kaedah *Round Table*, Kaedah *Think Pair Share*, Kaedah *Think Pair Square*, Kaedah *Team Present to Other Team* dan Kaedah *Round Robin*. Namun begitu, daripada lima jenis pembelajaran koperatif kaedah *Round Robin* menjadi pilihan dalam pengajaran karangan. Dalam teknik *Round Robin*, setiap ahli dalam kumpulan akan mengutarakan pendapat masing-masing secara lisan mengikut putaran giliran mereka (Kagan, 1994; Zawiah Abd. Shukor, 2001). Matlamatnya adalah untuk memberikan setiap ahli peluang mengemukakan idea masing-masing sambil menerima dan menolak idea yang lain secara diplomasi. Melalui teknik ini berlakulah proses bertukar-tukar idea dan pandangan agar idea yang diperuntukkan itu akan menjadi lebih jelas dan bermakna. Dapatkan ini menunjukkan guru bahasa Melayu daerah Jempol menekankan pembelajaran yang berpusatkan pelajar dalam meningkatkan kemahiran mengutarakan pendapat dan idea.

Di samping itu, dapatan kajian juga menunjukkan guru BM juga masih memberi pemberatan dalam memilih kaedah pembelajaran koperatif yang mengutamakan elemen pembentangan dan bantuan rakan sebaya dalam menjayakan perbincangan kumpulan iaitu menerusi Kaedah *Think Pair Share*, Kaedah *Think Pair Square* dan Kaedah *Team Present to Other Team*. Hal ini demikian, dalam pembelajaran koperatif peluang untuk berkerjasama dan berinteraksi sesama rakan sebaya adalah tinggi berbanding dengan pembelajaran tradisional. Kesan daripada ini akan menyebabkan pelajar dapat menerima maklum balas yang boleh memudahkan kefahaman mereka semasa pembelajaran berlaku. Dapatkan Ini diperkuuhkan dengan pendapat Johnson & Johson (1985) yang menyatakan bahawa pelajar lain yang membantu proses pembelajaran pelajar lain dengan berkongsi maklumat, berbincang, mengajar apa yang diketahui dan menggalakkan mereka untuk pencapaian yang lebih baik.

Manakala tahap guru melaksanakan pembelajaran koperatif yang memerlukan penggerakan berada pada tahap serdahana dan rendah. Hal ini kerana ada kalanya pembelajaran sebegini rupa seperti aktiviti melalui kaedah *Jigsaw*, Kaedah *Three Stray One Stay* dan Kaedah *Group Investigation* memerlukan pelajar bergerak daripada satu kumpulan kepada kumpulan lain untuk mendapatkan maklumat. Pemilihan kaedah ini memerlukan kawalan kelas yang tinggi. Dapatkan Ini diperkuuh dengan pendapat Abdul Rahim (1999), yang menyatakan bahawa keadaan di dalam bilik darjah serta disiplin murid penting untuk mencapai objektif pengajaran dengan berkesan. Proses belajar berlaku dengan baik apabila pelajar turut mengambil bahagian mengikuti P&P dengan aktif. Kaedah *Write Around*, Kaedah *Three Step Interview*, Kaedah *Three Minute Review* merupakan kaedah baharu yang diperkenal dalam model pembelajaran abad 21. Kebanyakan guru tidak melaksanakan aktiviti ini berkemungkinan kerana kurang pengetahuan dan pendedahan. Justeru, guru BM tingkatan 4 perlu diberi latihan, kursus serta pendedahan kepada pendekatan pengajaran yang baharu agar guru dapat mempelbagaikan aktiviti pembelajaran koperatif. Ini diperkuuhkan dengan pendapat Abdul Rahim (1999) yang menyatakan bahawa

guru yang cekap dan berwibawa dapat mencorakkan pengajarannya yang baik, meningkatkan keyakinan pelajar dan menjadikan pembelajaran menarik serta menyeronokkan pelajar.

Cara Pelaksanaan Pembelajaran Koperatif dalam Pengajaran Karangan Tingkatan 4

Tahap perancangan guru dalam melaksanakan pembelajaran koperatif berada pada tahap tinggi. Guru bahasa Melayu Daerah Jempol sentiasa merancang struktur, bahan, masa dan ruang yang bersesuaian dalam melaksanakan pembelajaran koperatif. Guru juga sentiasa menentukan kriteria dalam membentuk pasukan murid agar mendapat pencapaian yang terbaik dalam pelbagai tahap. Amalan pembelajaran koperatif menuntut suasana dan keadaan bilik darjah yang menarik, kreatif dan aktif. Kebolehan seseorang guru kelas mengguna dan menguruskan ruang yang terhad untuk mewujudkan keselesaan dan kecekapan pengurusan bilik darjah akan memberikan kesan kepada keadaan dan suasana bilik darjah.

Cara guru menguruskan pembelajaran koperatif dalam pengajaran karangan juga perlu menepati ciri-ciri pembelajaran koperatif iaitu guru bertindak sebagai fasilitator yang memberikan maklumat asas topik dan pelaksanaan aktiviti kepada pelajar dalam usaha pelajar memahami aktiviti dan topik pembelajaran yang akan dilalui. Hal ini kerana dalam pembelajaran koperatif murid perlu memahami peranan masaing-masing dalam mewujudkan satu konsep saling bergantungan yang berkesan. Ini adalah bersesuaian dengan teori konstruktivisme, murid tidak lagi dianggap belajar bersumberkan guru semata-mata malah murid dapat membina realiti mereka sendiri dan pada masa yang sama mengubah suai realiti tersebut. Manakala pada peringkat penilaian, guru turut menekankan konsep ganjaran kepada pasukan yang menunjukkan pencapaian yang baik. Pencapaian baik setiap kumpulan akan dinilai terhadap hasil tugas yang mempunyai kemahiran aras tinggi. Hal ini sekaligus dapat meningkatkan motivasi murid dalam menghasilkan pencapaian yang terbaik. Ini diperkuuhkan dengan kenyataan Mohd (2003) dengan mengatakan bahawa ganjaran turut menyumbang kepada kejayaan seseorang.

Sikap Guru dalam Melaksanakan Pembelajaran Koperatif dalam Pengajaran Karangan Tingkatan 4

Guru didapati memiliki keyakinan yang tinggi dalam melaksanakan pembelajaran koperatif dalam pengajaran karangan. Keyakinan dapat dilihat apabila guru gemar mencuba pelbagai model pembelajaran koperatif dalam memastikan keberkesanan pengajaran karangan. Guru juga menunjukkan keyakinan yang tinggi apabila berkongsi cara pelaksanaan pembelajaran koperatif dengan rakan guru yang lain. Perkongsian maklumat dalam kalangan guru akan membantu meningkatkan keberkesanan pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam pengajaran karangan. Guru yang cemerlang ialah guru yang mempunyai sikap positif terhadap pengajaran dan memahami mata pelajaran pengkhususan yang menjadi subjek teras yang diajar serta mempunyai keyakinan diri dalam pengajarannya. Sebaliknya guru yang tidak mempunyai pengetahuan yang luas dan memiliki kemahiran yang rendah dalam pengajaran akan menyebabkan guru itu bersikap negatif dan mempunyai keyakinan yang rendah terhadap pengajarannya.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman & Humaizah Hashim.(2012). *Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Kartun Dalam Transformasi Pengajaran Penulisan Karangan Bahasa Melayu*: Jurnal Pendidikan BahasaMelayu, 2 (1): 129-140.
- Abd Aziz Abd Talib.(2000). *Pedagogi Bahasa Melayu*: Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Rahim Abdul Rashid .(1999). *Wawasan dan Agenda Pendidikan*. Kuala Lumpur. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad Zaini Yaacob. (2000). *Keberkesanan pembelajaran koperatif dalam meningkatkan penulisan bahasa Melayu di kalangan pelajar tingkatan 4 luar bandar*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan yang Tidak Diterbitkan FakultiPendidikan, Universiti Malaya.
- Azizi Hj. Yahaya, Intan Sapinas Binti Bahuri. (2007). *Tinjauan amalan pembelajaran koperatif di kalangan pelajar tingkatan dua Maktab Rendah Sains Mara, Gerik, Perak*. Fakulti Pendidikan. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia
- Christina Lau Chui Jin. (2012). *Keberkesanan Penggunaan Kaedah Pembelajaran Koperatif Permainan Panggil Nombor (NHT) Dalam Proses Pembelajaran Sains Tahun Empat Di Kuching*, Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012, Ms.210-222 210.
- Efendi Zakaria. (1998). *Pembelajaran Koperatif*. Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Johnson, d.W.,& Johnson, R.T (1991). *Learrning together and alone : Cooperative, Competitive, and individualistic learning (3rd Ed.)*. Upper Saddle river, NJ: Prentice-Hall.
- Kagan, M., & Kagan, Spencer.(1994). *Advanced Cooperative Learning: Playing With Elements*. Los Angeles, CA: Kagan Cooperative Learning.

- Khadijah Ahmad. (2005). *Keberkesanan koperatif dalam kemahiran menulis bahasa Melayu di kalangan pelajar tingkatan 2*. Universiti Malaya: Tesis Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2015). *Kupasan Mutu Jawapan Pelajar Matapelajaran Bahasa Melayu*.
- Masitah Zainuddin. (2005). *Keberkesanan Teknik Pembelajaran Koperatif Dalam Penulisan Karangan BM Pelajar Tingkatan Dua*. Universiti Malaya:Tesis Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan.
- Marohaini Yusoff & Zulkifli A. Manaf. (1997). *Pengajaran Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Melayu di Sekolah Menengah: Satu Penilaian Kualitatif* . Dalam Pertanika Journal of Social Science & Humanities, 5(2), 65–72.
- Mohd. Najib Ghafar. (2003). *Reka Bentuk Soal Selidik Pendidikan*. Johor :Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohaimin Tabrani. (2013). *Kekangan Aplikasi Pengajaran Koperatif Di Sekolah Rendah*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Noriati, Boon & Sharifah. (2012). *Pengajaran dan Pembelajaran*. Kota Tinggi
- Rozita Radhiah Said & Abdul Rasid Jamian. (2012). *Amalan Pengajaran Karangan Guru Cemerlang di Dalam Bilik Darjah: Kajian Satu Kepelbagai Lokasi*. Jurnal APJEE (Asia Pacific Education for Educators, 2012), Terbitan USM.
- Roselan Baki. (2003). *Pengajaran dan pembelajaran penulisan bahasa Melayu*.Shah Alam: Karisma Publicatins Sdn. Bhd.
- Roslina Othman. (2002). *Keberkesanan Strategi Pembelajaran Koperatif Di Kalangan Kanak-Kanak Bermasalah Pendengaran*: Satu kajian Eksperimen.UKM: Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda tidak diterbitkan.
- Sharan, S. (1980). *Cooperative Learning in Small Group*: Recent Method and Effect on Achievement, Attitude and Ethnic Relations. Review of Educational Research.
- Salha Mohamed Hussain. (2014) *Keberkesanan Pembelajaran Kooperatif Untuk Meningkatkan Motivasi Pelajar Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kementerian Pendidikan Singapura.
- Tok Hoon Seng. (2006). *Cooperative Learning And Achievement In English Language Acquisition N A Literature Class In A Secondary School*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Tunku Aidayuhanna. (2016). *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu Di Wilayah Persekutuan Putrajaya*. Universiti Putra Malaysia.Serdang.
- Wong Lee Leng. (2014). *Kesan Pembelajaran Koperatif (Students Team Achievement Division - Stad) Terhadap Pembelajaran Matematik Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*. Tanjung Malim: Penerbit :Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Yahya Othman. (2005). *Trend dalam pengajaran bahasa Melayu*. Kuala Lumpur;PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Zamri Mahamod. (2012). *Inovasi P&P dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Tanjung Malim: PenerbitUniversiti Pendidikan Sultan Idris
- Zawiah Abd. Shukor, Suria Baba, Nadzeri Hj. Isa .(2001). *Strategi pembelajaran koperatif menggunakan teknik 'Round Robin' dan 'Round Table'* dalamproses penulisan: Satu Tinjauan. Forum Penyelidikan Pendidikan.Institut Bahasa Melayu Malaysia.